



Anwar merasmikan Majlis Pelancaran Unit Tambahan Skim Amanah Hartanah Bumiputera di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Usah khianati amanah mengurus aset Bumiputera

Kelemahan tata kelola punca kerajaan terpaksa beri 'suntikan' selamatkan beberapa agensi

Oleh Alzahrin Alias dan Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan syarikat yang menjaga kepentingan Bumiputera supaya tidak mengkhianati amanah yang diletakkan kepada mereka.

Perdana Menteri berkata, kerajaan pernah berdepan pengalaman buruk kerana terpaksa memberi suntikan tambahan kepada syarikat berkaitan akibat tadbir urus yang lemah bagi menyelamatkan pegangan Bumiputera.

Beliau memberi contoh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang memerlukan suntikan disebabkan pengurusan dan tata kelola lemah, selain Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji).

"Kita lihat umpamanya FELDA memerlukan suntikan RM8.3 bilion kerana pengurusan dan tata kelola lemah.

"Ada lagi yang membabitkan syarikat yang memerlukan suntikan RM2.7 bilion daripada kerajaan untuk menyelamatkannya daripada terlepas daripada

tangan Bumiputera.

"Keadaan sama berlaku kepada Tabung Haji sebelum ini yang berdepan masalah kerugian aset walaupun kini pengurusannya bertambah baik," katanya pada Majlis Pelancaran Unit Tambahan Skim Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) di sini, semalam.

Pada majlis itu, Pelaburan Hartanah Bhd (PHB) mengumumkan penambahan satu bilion unit Skim AHB untuk memberi peluang lebih ramai Bumiputera mempunyai pemilikan berfaedah ke atas pasaran hartanah di lokasi utama seluruh Malaysia.

Ia penambahan kelima sejak penubuhan skim itu pada 2010, menjadikan unit terkumpul AHB sebanyak lima bilion unit.

Perdana Menteri menegaskan kelemahan tata kelola yang menyebabkan ketirisan wang kerajaan tidak boleh dibiarkan berterusan dan perlu ditangani segera.

"Di luar sana, konflik dan naratif tentang Bumiputera hebat diperkatakan. Ada disenangi dan ada tidak disenangi serta menjadi bahan kempen seolah-olah ini menyelamatkan kepentingan Melayu.

"Tetapi sering kali mereka yang membicarakan soal kepentingan dan menyelamatkan Melayu ini adalah orang yang paling khianat, merosakkan serta mengambil keuntungan besar. Sebab itu daripada anjakan dasar, kita tegas dan keras dalam soal ini," katanya.

Perdana Menteri menegaskan ramai lupa mengenai matlamat asal penubuhan dan agenda yang

seharusnya dilaksanakan apabila diberikan amanah menyebabkan agensi Bumiputera diurus lemah, mengalami kerugian dan terpaksa menyalurkan aset balik ke tangan bukan Bumiputera sebagai jalan penyelesaian.

"Saya antara yang tegas menjaga kepentingan semua, tetapi agensi diamanahkan menjaga Bumiputera walaupun diberi pelbagai kemudahan tetap diurus dengan tidak baik atau tidak faham objektif penubuhan.

"Jadi, perniagaannya itu hanya sekadar kepentingan komersial. Harus ada keseimbangan agenda antara komersial dengan mengangkat Bumiputera agar dapat bersaing dengan adil serta pastikan milik itu tidak terlepas ke pihak lain," katanya.

Ganjaran adil penjawat awam

Terdahulu ketika Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya, Perdana Menteri menegaskan bayaran insentif awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSP) sebanyak RM2,000 yang diumumkan melalui Belanjawan 2024 Jumaat lalu, adalah ganjaran adil kepada penjawat awam.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, jumlah itu sebenarnya kecil dibandingkan tugas dijalankan penjawat awam.

Kelmarin, Anwar ketika berucap pada perjumpaan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri mengarahkan Kajian SSP disiapkan pertengahan tahun dengan untuk memastikan struktur gaji baharu kepada penjawat awam dapat diumumkan dalam belanjawan akan datang.